

AKTA 597: SATU PERKEMBANGAN HAK ASASI MANUSIA DI MALAYSIA

Harlida Abdul Wahab*
Asiah Bidin

Artikel ini meninjau perkembangan hak asasi manusia di Malaysia dengan memberi fokus kepada Akta 597 iaitu Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Tumpuan diberikan kepada penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dengan melihat peranannya daripada segi fungsi dan kuasa, skop, keanggotan dan penyiasatan yang dikendalikan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta. Sedikit latar belakang dan perkembangan hak asasi manusia di Malaysia akan turut diperbincangkan. Di akhir artikel ini, beberapa cadangan dikemukakan bagi menjamin kebebasan asasi rakyat Malaysia benar-benar tercapai.

Pengenalan

Hak asasi atau kebebasan asasi merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang. Hak asasi kadang kala dianggap sebagai maruah diri seseorang. Dalam konteks manusia sejagat, hak asasi bermaksud semua manusia adalah bebas dan mempunyai hak yang sama tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, warna kulit, bahasa dan lain-lain. Atas dasar itu maka hak asasi seringkali menjadi satu tuntutan supaya setiap manusia diperlakukan secara sama rata dan adil. Namun jika diteliti, tuntutan hak asasi adalah berbeza dari satu tempat ke satu tempat yang lain bergantung kepada kehendak inasyarakat. Sewajarnya tuntutan hak asasi disesuaikan dengan keadaan masyarakat, budaya, undang-undang, keadaan politik, kedudukan ekonomi dan persoalan sosial sesebuah negara. Contohnya negara Timur dan Barat yang mempunyai ciri-ciri budaya yang berbeza; maka tidak hairanlah jika tuntutan terhadap kebebasan asasi di Barat ada kalanya keterlaluan dan sesuatu yang amat sukar diterima masyarakat Timur.

* Harlida Abdul Wahab dan Asiah Bidin, pensyarah undang-undang, Sekolah Pengurusan, Universiti Utara Malaysia.

Artikel ini akan membicarakan kedudukan hak asasi manusia di Malaysia dengan memberikan tumpuan kepada penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia atau ringkasannya SUHAKAM di bawah Akta 597. Peranan dan fungsi SUHAKAM, kuasa, keanggotaan dan siasatan yang dijalankan akan diuraikan. Sedikit latar belakang dan perkembangan hak asasi manusia di Malaysia juga turut dibincangkan di samping ulasan, cadangan dan rumusan yang dikemukakan di akhir artikel.

RINGKASAN PERKEMBANGAN HAK ASASI MANUSIA DI MALAYSIA

Hak asasi manusia merupakan perkara yang sering menjadi tuntutan masyarakat dalam memastikan hak yang sama rata dapat dinikmati bersama tanpa mengira pangkat, darjat, keturunan, agama, bangsa, warna kulit dan sebagainya. Secara umumnya hak asasi manusia beraksud cara atau tindakan seseorang manusia inperlakukan seseorang manusia yang lain mengikut dasar kemanusiaan yang sebenar.

Sejak kemerdekaan negara pada tahun 1957, kebebasan atau hak asasi manusia jarang sekali diperdebatkan. Walaupun konsep kebebasan asasi kadang kala dibangkitkan, ia tidak lebih daripada sekadar perbincangan dari sudut ilmu pengetahuan. Menginbas sejarah hak asasi manusia di peringkat antarabangsa, Perisytiharan Sejahtera Hak Asasi Manusia 1948 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) adalah merupakan titik perincian pengakuan antarabangsa mengenai hak asasi manusia. Deklarasi ini memberi penekanan kepada kebebasan untuk bersuara dan kebebasan untuk memenuhi keperluan asas. Pada tahun 1966 pula, satu perjanjian antarabangsa berkaitan dengan hak ekonomi dan sosial turut diadakan, iaitu Perjanjian Antarabangsa Berkaitan Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya. Seterusnya pada tahun 1986, Deklarasi Hak Untuk Membangun telah diiktiraf sebagai satu hak yang tidak boleh dipisahkan dari manusia. Sesungguhnya perdebatan berhubung dengan isu hak asasi manusia di peringkat antarabangsa adalah isu yang berterusan sehingga kini.¹

Di Malaysia, gesaan dan kritikan mengenai hak asasi manusia sering kali dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu, khususnya badan bukan kerajaan (NGO) seperti Aliran, Hakam dan Suaram. Namun

tuntutan ini semakin menjadi-jadi akibat masalah politik yang dialami negara khususnya pada penghujung tahun 1990. Hasilnya Kerajaan telah merangka Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1999. Suruhanjaya kebangsaan ini lahir tepat pada masanya, sejajar dengan kehendak dan desakan rakyat secara umum supaya diwujudkan satu institusi yang bebas bagi inenjaga dan memelihara liak asasi manusia di Malaysia. Penubuhan Suruhanjaya ini dilihat sebagai satu perkembangan positif yang inebuka satu lembaran baru dalam sejarah perjuangan dan perlindungan hak asasi di negara ini. Kewujudannya diharap akan menyuntik satu kesedaran yang luas di kalangan rakyat mengenai hak asasi yang dijamin di sisi undang-undang.

AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA 1999 (AKTA 597)

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 (Akta) merupakan undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada tanggal 9 September 1999. Walau bagaimanapun Akta ini hanya berkuatkuasa pada 20 April 2000. Tujuan pengubalan Akta ini adalah untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan satu suruhanjaya bebas hak asasi manusia yang dikenali sebagai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia atau ringkasannya SUHAKAM. Akta ini memperuntuk dan menjelaskan kuasa dan fungsi SUHAKAM sebagai sebuah suruhanjaya bebas, untuk ineberi pendidikan dan perlindungan di samping memajukan hak asasi manusia di Malaysia. Melalui Akta ini juga kuasa diberikan kepada SUHAKAM untuk mengadakan peruntukan lain yang berkaitan dengan hak asasi sekiranya perlu.

Skop Akta

Hak asasi manusia merupakan suatu tuntutan sejahtera. Namun tuntutan itu mestilah selaras dengan keadaan dan keperluan sesebuah negara. Sebagai sebuah negara yang inepunyai masyarakat majmuk, Malaysia ineberi penekanan terhadap prinsip melindungi hak umum berbanding dengan hak individu. Akta secara khusus memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengendalikan kes-kes dan aduan yang inelibatkan pelanggaran hak asasi sebagaimana yang terinaktub di dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan.²

Bahagian II Perlembagaan Persekutuan ini memperuntukkan tentang kebebasan asasi yang terdiri daripada:

- (a) Kebebasan diri³ yakni seseorang individu tidak boleh dibunuh atau dipenjarakan melainkan menurut undang-undang.
- (b) Kebebasan dari perhambaan dan kerja paksa⁴ yakni seseorang itu tidak boleh diambil menjadi hamba abdi atau dikerah untuk melakukan sebarang bentuk kerja paksa.
- (c) Perlindungan daripada undang-undang jenayah yang berkuatkuasa ke belakang dan percabaran berulang.⁵ Contohnya seseorang warga melakukan kesalahan jenayah dan telah dijatuhkan hukuman penjara dua bulan, dan selepas itu satu undang-undang telah diluluskan supaya kesalahan itu dikenakan hukuman penjara enam bulan. Hukuman yang baru itu tidak boleh dikenakan ke atasnya. Bagi percabaran berulang, seseorang tidak boleh diulang bicara atas kesalahan yang sama kecuali jika sabitan telah dibatalkan dan percabaran semula diperintahkan oleh mahkamah yang lebih tinggi.
- (d) Sains rata.⁶ Hak ini bermaksud bahawa setiap orang adalah sains di sisi undang-undang dan berhak terhadap perlindungan yang sama. Mereka tidak boleh dibezakan atas sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir.⁷
- (e) Larangan buangan negeri dan kebebasan bergerak.⁸ Ini berinisud setiap warga boleh bergerak dengan bebas dan berinastutin di mana-mana tempat di seluruh negara.
- (f) Kebebasan bersuara, berhimpun dan menubuhkan persatuan.⁹ Setiap warganegara adalah bebas untuk mengeluarkan buah fikirannya, berhimpun secara aman tanpa senjata dan menubuhkan persatuan tertakluk kepada sekatan undang-undang yang dikenakan oleh Parliin.
- (g) Kebebasan beragama.¹⁰ Agama Islam adalah againya Persekutuan namun setiap orang berhak mengamalkan againya masing-masing.
- (h) Hak berhubung dengan pelajaran.¹¹ Setiap warga berhak inendapat pelajaran dan pendidikan secara sama rata.
- (i) Hak terhadap harta¹² yakni harta benda seseorang tidak boleh dirampas atau diambill tanpa diberikan pampasan yang sewajarnya.

Berdasarkan kepada maksud dan tafsiran hak asasi inania di bawah Akta, bidang kuasa siasatan Suruhanjaya hanyalah terhad kepada isu-isu kebebasan asasi sebagaimana yang termaktub di dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan atau Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia 1948, setakat ia tidak bertentangan dengan Perlembagaan.

Keanggotaan

SUHAKAM mempunyai 13 orang anggota¹³ terinasuk seorang

Pengerusi¹⁴ yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.¹⁵ Kesemua anggota Suruhanjaya adalah terdiri daripada tokoh-tokoh terkenal yang mempunyai latar belakang agama dan kaum yang berbeza.¹⁶ Dalam inemutuskan sesuatu perkara di dalam mesyuarat Suruhanjaya, semua anggota hendaklah mencapai keputusan secara sebulat suara atau jika gagal inencapai kata sepakat, keputusan majoriti dua pertiga anggota yang hadir akan diambil kira.¹⁷ Di samping keanggotaan daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, Suruhanjaya juga berhak mempunyai kakitangannya sendiri seperti setiausaha, pegawai atau pengkhidmat lain bagi membantunya dalam inenjalankan fungsi di bawah Akta.¹⁸

Fungsi dan Kuasa

Sebagaimana yang dinyatakan, tujuan penubuhan SUHAKAM adalah untuk melindungi dan memajukan hak asasi inania di Malaysia." Oleh yang demikian fungsi SUHAKAM adalah untuk menangani salah laku dan pencabulan terhadap hak asasi di samping menyediakan pendidikan bagi ininupuk kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan untuk memahami dan menghormati hak tersebut. SUHAKAM juga berfungsi untuk menasihati dan ininbantu Kerajaan dalam inerangka dan inerumuskan perundangan, arahan dan tatacara pentadbiran berhubung dengan hak asasi inania di samping mengesyorkan sebarang langkah-langkah yang perlu diambil.

Fungsi lain Suruhanjaya ialah memberi syor dan cadangan kepada Kerajaan inengenai persetujuan daii penyertaan Malaysia dalam triti atau perjanjian antarabangsa berkaitan dengan hak asasi manusia, contohnya inencadangkan perjanjian antarabangsa yang perlu ditandatangani oleh Kerajaan. Selain daripada itu, Suruhanjaya juga berhak menyiasat dakwaan mengenai pelanggaran hak asasi inania, sama ada atas kehendak sendiri ataupun berdasarkan aduan mana-mana pihak.

Fungsi yang ditetapkan oleh Akta secara jelas menunjukkan bahawa SUHAKAM bukan sahaja bertindak terhadap individu yang terlibat dalam pelanggaran hak asasi tetapi juga terhadap Kerajaan, terutamanya dalam ininberi penasihat mengenai hak asasi. Untuk tujuan ini Kerajaan telah inenyediakan satu dana tahunan kepada Suruhanjaya.²⁰

Dalam inelaksanakan fungsi yang dinyatakan di atas, Suruhanjaya turut diberikan kuasa di bawah subseksyen (2) untuk melakukan perkara-perkara

berikut, iaitu:

- (a) Kuasa untuk memupuk kesedaran inengenai hak asasi manusia kepada masyarakat melalui aktiviti penyelidikan di samping inengendalikan seminar, bengkel atau sesi penerangan bagi menyebarkan hasil penyelidikan tersebut.
- (b) Kuasa untuk inemberi nasihat dan mengesyorkan langkah dan tindakan yang sesuai kepada Kerajaan dan pihak berkuasa tertentii inengenai aduan yang dibuat terhadap mereka.
- (c) Menentukan sebarang pelanggaran liak asasi manusia mengikut maksud Akta.
- (d) Melawat tempat tahanan tertentu dan membuat saranan tertentii yang perlu.
- (e) Mengeluarkan pernyataan awam mengenai hak asasi inanusia sekiranya perlu.
- (f) Mengenal pasti sebarang aktiviti lain yang sesuai dan perlu menurut undang-undang bertulis yang berkuatkuasa.

Secara ringkasnya, tugas Suruhanjaya dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pertama, inenangani persoalan jangka panjang iaitu inemberi pendidikan dan mengembangakan pengetahuan inasyarakat inengenai hak asasi; kedua, persoalan jangka pendek seperti isu-isu semasa yang berkemungkinan berulang; dan ketiga, persoalan semasa yang melibatkan isu-isu yang sedang berlakw.”

Penyiasatan

Suruhanjaya berhak menjalankan penyiasatan ke atas sebarang pelanggaran hak asasi saina ada atas aduan atau atas kehendak sendiri.” Dalam menjalankan penyiasatan, Surulianjaya ineinpunyai kuasa²³ untuk mengambil keterangan bertwulis atau lisan di samping meineriksa mana-mana saksi. Saksi yang dipanggil untuk ineinberi keterangan akan mendapat perlindungan daripada sebarang tindakan sivil atau jenayah kecuali sekiranya dia memberi keterangan palsu. Perlu diingat bahawa kuasa siasatan Suruhanjaya ini terhad kepada kes yang sedang dibicarakan, kes yang telah diputuskan oleh mahkamah ataupun kes yang berada di peringkat rayuan. Ini bermaksud orang rainai hanya ineinpunyai satu pilihan iaitu merujuk pelanggaran hak asasi di mahkamah atau inembawa kepada Suruhanjaya.

Laporan

Dalam menjalankan fungsi dan kuasa yang diberikan oleh Akta, Suruhanjaya turut diminta mengeinukakan laporan tahunan kepada Parliinen

inengenai aktiviti sepanjang tahun termasuk aduan yang diterima, saranan dan cadangan yang dibuat serta tindakan yang telati diambil.²⁴

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Penubuhan Akta SUHAKAM ainat dialu-alukan oleh semua golongan masyarakat. Ia merupakan satu platform untuk menangani isu-isu liak asasi manusia di Malaysia di sainping dapat menyediakan satu ruang khusus bagi meinbincangkan hak asasi secara lebih terbuka dan luas. Tidak dinafikan bahawa liak asasi manusia merupakan perkara pokok dalam perhubungan sosial masyarakat dan negara namun kita juga tidak boleh lupa bahawa konsep hak asasi sebagaimana yang dilaung-laungkan olei Barat tidak boleh diikuti seratus peratus. Memadai ia inenjadi ikutan sesuai dengan kehendak dan budaya masyarakat serta politik negara. Malah, jika diteliti, punca pergolakan dan masalah politik khususnya yang membabitkan hal-hal hak asasi inanusia adalah disebabkan oleh kefahaman inasyarakat. Tiada pemaliaman atau dangkal pengetahuan mengenai konsep hak asasi inenyebabkan sebahagian dari kita terpengaruh dan terikut-ikut dengan konsep liak asasi yang dibawa oleh negara Barat terutamanya apabila ide dan saranan mereka diterima di peringkat antarabangsa. Oleh itu kewujudan SUHAKAM dililiat kena pada masa dan ketikanya terutaina dalain ineinberikan pendedahan dan pendidikan kepada inasyarakat inengenai hak asasi.

Akta SUHAKAM telah mendapat reaksi dari pelbagai pihak. Banyak pihak kurang berpuas hati dengan definisi liak asasi manusia yang dirasakan kurang jelas dan terlalu sempit tafsirannya. Mereka berpendapat tafsiran hak asasi manusia harus diperluaskan ineinandangkan peruntukan Bahagian II Perlembagaan Persekutuan terbatas disebabkan oleh pelbagai akta yang diluluskan oleh Parlimen.²⁵ Selain dari itu, tafsiran tersebut dilihat seolah-olah ineinberi Suruhanjaya kuasa yang bertindih dengan bidang kuasa yang sedia ada pada malikamah. Cadangan turut dibuat supaya satu maksud yang menepati nilai dan budaya tempatan diberikan. Nainun begitu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Rais Yatiin berpendapat bahawa ia bukanlah satu masalah yang besar, “yang penting kita sudah ada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang sebeluin ini langsung kita tidak ada”.²⁶ Menurut beliau, Malaysia perlu mempunyai definisi hak asasi inanusianya sendiri yang berasaskan kepada keadilan dan kebenaran bagi menjainin keberkesanananya.

Walau apapun pendapat yang diberikan, hal ini tidak seliarusnya dipandang ringan meinandangkan hak asasi inanusia adalah perkara pokok

yang akan menentukan hala tuju dan peranan SUHAKAM. Tidak dinafikan bahawa keberkesanan peranan Suruhanjaya ini banyak bergantung kepada maksud 'hak asasi manusia' itu sendiri. Atas dasar itu juga laporan tahunan SUHAKAM yang pertama kepada Parlienen baru-baru ini, antara lain, menyarankan supaya badan kehakiman bertindak meinberi tafsiran terhadap definisi 'hak asasi manusia' menurut Perlembagaan.

Bidangkuasa dan kuasa SUHAKAM juga turut dipertikaikan. Pendapat yang diberikan adalah SUHAKAM hanya inainpu berfungsi dengan berkesan sekiranya kuasa yang komprehensif diberikan, nainun kuasa yang diperuntukkan kepada SUHAKAM buat masa ini adalah^h terhad. Ini ternyata melalui seksyen 12(2) yang jelas menghalang SUHAKAM daripada membuat penyiasatan terhadap sebarang aduan berhubung dengan tuduhan menyalahi hak asasi manusia jika sekiranya perkara tersebut sedang didengar oleh mahkamah atau jika sekiranya ia telah diputuskan oleh mana-mana mahkamah di Malaysia. Saranan yang dikemukakan adalah supaya SUHAKAM tidak akur dengan peruntukan Akta kerana ia akan menjejaskan keberkesanan fungsi Suruhanjaya dalam inembela mana-mana pihak yang telah dicabuli hak asasi mereka.

Persoalan lain yang turut ditimbulkan adalah sejauh manakah kemampuan Suruhanjaya mengendalikan isu hak asasi di negara ini dengan bebas? Ini kerana sumber kewangannya adalah dibiayai oleh Kerajaan. Menjawab persoalan tersebut, anggota SUHAKAM, Tan Sri Prof. Harun Hashim menegaskan bahawa ia adalah sesuatu yang seinemangnya disaran oleh Piagam Hak Asasi Manusia PBB.²⁷ Oleh itu dalam inenghadapi realiti ini, SUHAKAM diharapkan tidak bergantung kepada Kerajaan semata-inata demi untuk mengelakkan salah tafsiran dan pandangan serong sesetengah pihak. Di samping persoalan tentang dana kewangan, keresahan turut ditimbulkan mengenai perlantikan anggota yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas saranan Perdana Menteri. Selain daripada itu, kuasa Perdana Menteri untuk inengesyorkan seseorang anggota dipecat atas alasan tertentu juga turut dipersoalkan.²⁸ Dari segi keanggotaan SUHAKAM pula, ia terdiri daripada tokoh yang mempunyai kaitan dengan parti politik tertentu.

Dalain pada itu, beberapa pihak turut inerasakan terdapat unsur-unsur kawalan dari pihak Kerajaan ke atas Suruhanjaya. Contohnya keperluan dalam menyediakan laporan kepada Parlimen dan pendedahan tentang aduan yang telah diteriina beserta dengan tindakan yang telah diambil oleh Suruhanjaya. Perkara-perkara di atas dirasakan sebagai faktor yang boleh menggugat keberkesanan fungsi SUHAKAM sebagai sebuah badan bebas.

Walau apapun kegelisahan yang timbul, yang diharapkan adalah kesungguhan Kerajaan dalam memilih anggota Suruhanjaya dapat memastikan Suruhanjaya itu benar-benar bebas, berwibawa dan dihormati. Menurut laporan SUHAKAM baru-baru ini, amalan hak asasi manusia di Malaysia adalah baik nainun masih terdapat beberapa kritikan terhadap isu tertentu. Sebagai sebuah badan bebas, amat wajar bagi SUHAKAM untuk menyatakan pendirian sendiri berhubung dengan perlindungan hak asasi di negara ini. Sekiranya teguran itu munasabah, tiada sebab untuk Kerajaan menolaknya malah patut diberi perhatian yang serius untuk memperbaiki kelemahan yang ada.

Akta 597 dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) merupakan pendokong kepada Perlembagaan Malaysia dalam meinberi perlindungan di sainping memajukan liak asasi inanusia di Malaysia. Oleh itu, amatlah diharapkan agar SUIHAKAM dapat memainkan peranannya dengan mempergiatkan usaha memberi pendedahan dan penerangan kepada masyarakat berhubung dengan hak asasi manusia. Selain daripada itu, anggota SUHAKAM juga diharapkan dapat mengelakkan diri daripada terlibat dengan perkara yang boleh menimbulkan percanggahan kepentingan masing-masing. Dalain erti kata lain SUHAKAM perlu mengelakkan diri daripada dibayangi oleli sebarang fahaman politik. Ini akan dapat mengelakkan salah tanggapan masyarakat tentang fungsi dan peranan sebenar SUHAKAM sebagai sebuah badan bebas.

KESIMPULAN

Secara umumnya perlaksanaan undang-undang hak asasi sedikit sebanyak telah dapat mengendurkan ketegangan terhadap tuntutan hak asasi manusia di Malaysia. Sesungguhnya pengwujudan undang-undang dan penubuhan Suruhanjaya ini merupakan satu langkah kecil sebelum kita mengorak langkah yang lebih besar ke arah perubahan hak asasi manusia di negara ini pada masa akan datang. Tidak dinafikan juga bahawa Akta 597 ini inerupakan satu perkeimbangan positif ke arah kesedaran hak asasi manusia di Malaysia. Kewujudan Akta juga dapat menjelaskan kepada dunia bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mengiktiraf hak asasi manusia; sekaligus melenyapkan kesangsian mereka terhadap negara. Namun, memandangkan Malaysia masih di peringkat awal dalain menyeragainkan undang-undang hak asasi manusia. kita tidak perlu inengesa supaya Malaysia mengikut PBB atau apa yang diamalkan di Barat sebaliknya kita harus mengaplikasikan hak asasi ini mengikut cara kita sendiri.

Bagi SUHAKAM sendiri, tidak salah untuk mereka mengemukakan

cadangan bagi mempertingkatkan kesedaran hak asasi inania di negara ini asalkan saranan yang dibuat mestilah berasaskan kepada acuan negara ini, bukan mengikut prinsip negara Barat yang kononnya memperjuangkan hak asasi inania tetapi pada masa yang sama masih merelakan amalan penindasan, peperangan dan pembunuhan beramai-ramai sehingga hilang nilai-nilai moral dan kemanusiaan. Seharusnya tafsiran hak asasi dihalusi dengan mengambil kira sejarah politik, ekonomi dan sosial negara ini. Sesungguhnya memberi hak dan kebebasan kepada inasyarakat adalah perlu namun pada masa yang sama, batas-batas yang sepatutnya juga perlu ditentukan.

¹ Rohimi Hj. Shapic. (1998).

² Hak asasi manusia ditafsirkan di bawah Seksyen 2 sebagai “kebebasan asasi sebagaimana yang termaktub dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan”.

³ Perkara 5(1)

⁴ Perkara 6

⁵ Perkara 7, Fasal (1)

⁶ Perkara 8

⁷ Perkara 8, Fasal (2)

⁸ Perkara 9

⁹ Perkara 10

¹⁰ Perkara 11

¹¹ Perkara 12

¹² Perkara 13

¹³ Seksyen 5(1) memperuntukkan anggota Suruhanjaya mesti tidak melebihi 20 orang dan seksyen 5(2) menghendaki perlantikan anggota dibuat oleh Yang diPertuan Agong, atas syor Perdana Menteri.

¹⁴ Pengerusi SUHAKAM sekarang ialah Tan Sri Musa Hitam, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

¹⁵ Seksyen 6(1)

¹⁶ Seksyen 5(3)

¹⁷ Seksyen 7

¹⁸ Seksyen 16

¹⁹ Seksyen 4(1)

²⁰ Seksyen 19

²¹ New Straits Times, 1 May 2000.

²² Seksyen 12(1)

²³ Seksyen 14(1)

²⁴ Seksyen 21

²⁵ Contohnya Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, Ordinan Darurat (Perintah Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969, Akta Dadah Merbahaya (Langkah Pencegahan Khas 1985, Akta Polis 1967 dan lain-lain.

²⁶ Utusan Malaysia, 29 Mei 2000

²⁷ Piagam Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menyatakan bahawa Kerajaan perlu menubuhkan satu suruhanjaya kebangsaan hak asasi manusia dan memberi pembiayaan kepada mereka.

²⁸ Seksyen 5(2) dan seksyen 10.

BIBLIOGRAFI

Abdul Monir Yaacob. (1986). *Hak asasi manusia menurut islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.

Dealing with a spectrum of diverse issues. (2000, 1 May). *The New Straits Times*, 21.

Fan Yew Teng. (2000). A critique of the National Human Rights Commission [15 paragraphs]. *Aliran* [Online]. Available: <http://www.malaysia.net/aliran/monthly/2000/04g.html>

Harding, A. (1996). *Law, government and the constitution in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.

Lembaran baru perjuangan hak asasi di Malaysia. (1999, 17 Julai). *Utusan Malaysia*, 8.

Memorandum to Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia - What we expect of the Human Rights Commission of Malaysia. *Aliran* [Online]. Available: <http://www.inalaysia.net/aliran/monthly/2000/04f.html>.

Menangani soal hak asasi manusia. (1999, 27 Januari). *Utusan Malaysia*, 8.

National Human Rights Commission – Too little too late [7 paragraphs]. *Malaysia.net* [Online]. Available: <http://www.malaysia.net/aliran/hr/js13.html>

Perlembagaan Persekutuan. (2000). Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Prof Johan Saravanamuttu. Human rights practice – Regression rather than progression [9 paragraphs]. *Malaysia.net* [Online]. Available: <http://www.malaysia.net/aliran/hr/js1.html>

Rohimi Hj. Shapiee. (1998). Hak asasi manusia pada dekad 90an – Dilihat pada pertimbangan inasyarakat sedang meibangun dan Asia. *CLJ Legal Network*.

Suhakam lists statutes for review. (2001, 20 April). *The Star*, 1.

Suhakam mampu jalankan tugas. (2000, 29 Mei). *Utusan Malaysia*, 12.

Suhakam perlu dengar penjelasan Kerajaan. (2001, 20 April). *Berita Harian*.

Tun Mohamed Suffian Hashim. (1984). *Mengenal perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Without fear or favour. (2000, 21 August). *The New Straits Times*, 3.

Wu Min Aun. (2000). *The Malaysian legal system*. (2nd Ed.) Selangor: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.